

---

**BAB 8 KEWAJIPAN PENYENARAIAAN BERTERUSAN****BAHAGIAN A - AM****8.01 Pengenalan**

Bab ini menyatakan kewajipan penyenaian berterusan yang mesti dipatuhi, antara lain, oleh perbadanan tersenarai, para pengarah atau penasihatnya sebagai tambahan kepada kewajipan penyenaian berterusan yang telah dinyatakan dalam Bab lain Kehendak-kehendak ini.

**BAHAGIAN B – KRITERIA PENYENARAIAAN BERTERUSAN****8.02 Pematuhan dengan kehendak spread pemegangan syer**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah syer tersenarainya (tidak termasuk syer perbendaharaan) adalah di tangan pemegang syer awam. Bursa boleh menerima peratusan yang lebih rendah daripada ambang 25% jika berpuas hati bahawa peratusan yang lebih rendah itu mencukupi untuk pasaran cair dalam syer tersebut.
- (2) Perbadanan tersenarai yang mempunyai syer tersenarai di bursa saham lain boleh memasukkan syer ini bagi tujuan pengiraan peratusan spread pemegangan syer yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa jika ia menyedari bahawa ia tidak mematuhi spread pemegangan syer yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas.
- (4) Perbadanan tersenarai yang gagal untuk mengekalkan pemegangan syer yang dikehendaki yang disebut dalam Subkaedah (1) boleh meminta lanjutan masa untuk memperbetulkan keadaan itu dengan cara yang boleh ditentukan oleh Bursa.
- (5) Perbadanan tersenarai mesti memberikan satu jadual yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 8E kepada Bursa, apabila selesai suatu tawaran pengambilalihan di bawah Kod Pengambilalihan dan Percantuman.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 13]*

**8.03 Syarikat Tunai**

- (1) Perbadanan tersenarai yang asetnya berasaskan penyatuan, terdiri dari 70% atau lebih wang tunai atau pelaburan jangka pendek, atau gabungan kedua-duanya ("**Kriteria Tunai**"), mesti memberitahu Bursa dengan serta merta keadaannya secara bertulis. Bursa akan menentukan sama ada perbadanan tersenarai tersebut harus dianggap sebagai Syarikat Tunai. Perbadanan tersenarai yang dianggap sebagai Syarikat Tunai oleh Bursa akan diberitahu oleh Bursa.
- (2) Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak yang ditetapkan oleh Bursa, sekiranya gagal, Bursa boleh menggantung dagangan sekuriti tersenarai dari perbadanan tersenarai tersebut atau membatalkan penyenaian atau kedua-duanya.
- (3) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, yang berikut terpakai:
  - (a) Perbadanan tersenarai mesti, sebagai kehendak minimum, membuat penentuan sama ada ia mencetuskan Kriteria Tunai ketika ia melupuskan aset atau perniagaannya secara kumpulan atau menyiapkan penyata kewangan atau akaunnya; dan

- (b) "**pelaburan jangka pendek**" ertinya pelaburan yang sifatnya boleh ditunaikan dengan tersedia dan bertujuan untuk dipegang untuk 12 bulan atau lebih kurang termasuk kepentingan (ekuiti atau selain darinya) dalam perbadanan.
- (4) Syarikat Tunai mesti meletakkan sekurang-kurangnya 90% daripada wang tunai dan sekuriti jangka pendeknya (termasuk baki tunai yang sedia ada dan balasan hasil dari pelupusan yang dilaksanakan oleh Syarikat Tunai) di dalam akaun yang dibuka dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia dan dikendalikan oleh penjaga. Sebarang faedah yang dijana oleh wang yang dipegang dalam akaun itu mesti diakru kepada akaun tersebut. Bagi maksud Subkaedah (4) ini, "**penjaga**" ertinya mana-mana dari yang berikut yang bebas daripada Syarikat Tunai:
- (a) syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 atau diperbadankan menurut Akta Perbadanan Amanah Awam 1995 dan adalah terdapat dalam Senarai Pemegang Amanah Berdaftar berhubung Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau
- (b) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- Syarikat Tunai mesti memastikan bahawa jumlah dalam akaun di atas tidak dikeluarkan, kecuali untuk tujuan berikut:
- (i) melaksanakan cadangan untuk memperoleh perniagaan teras baharu yang diluluskan oleh Bursa; atau
- (ii) pengagihan pro-rata kepada pemegang syer menurut Subkaedah (9) di bawah.
- (5) Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak tambahan berikut:
- (a) menyelaraskan keadaannya dengan cara berikut:
- (i) menyerahkan cadangan untuk mengambil alih perniagaan teras baharu, yang menyeluruh secara substansial dan akan meningkatkan nilai pemegang syer, kepada Bursa dan mendapatkan kelulusan Bursa untuk melaksanakan cadangan itu, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh ia menerima notis yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas;
- (ii) melantik Penaja dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perbadanan tersenarai itu mengumumkan bahawa ia adalah Syarikat tunai dan mengekalkan Penaja tersebut sehingga ia tidak lagi dianggap Syarikat tunai oleh Bursa di bawah Subkaedah (8) di bawah; dan
- (iii) melaksanakan cadangannya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh cadangan itu diluluskan oleh Bursa. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang melibatkan prosiding mahkamah, sebuah Syarikat Tunai mempunyai tempoh sehingga 12 bulan dari tarikh cadangan itu diluluskan oleh Bursa, untuk menyempurnakan pelaksanaan cadangan itu;
- (b) mengekalkan perkhidmatan Penaja untuk sekurang-kurangnya 3 tahun kewangan penuh selepas ia tidak lagi dianggap sebagai Syarikat Tunai oleh Bursa di bawah Subkaedah (8) di bawah. Berkenaan dengan ini, Penaja yang disebut dalam Subkaedah (a)(ii) di atas mesti bertindak sebagai Penaja Syarikat tunai untuk sekurang-kurangnya tahun kewangan penuh yang pertama;

- (c) memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam; dan
  - (d) melakukan tindakan atau perkara lain sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bursa.
- (6) Bursa boleh menggantung perdagangan sekuriti tersenarai Syarikat Tunai jika ia gagal untuk mematuhi mana-mana bahagian dari kewajipannya dalam Subkaedah (5)(a) di atas atau jika cadangannya ditolak oleh Bursa dan Bursa boleh membatalkan penyenaian Syarikat Tunai tersebut.
- (7) Subkaedah (1) dan (2) di atas tidak terpakai kepada syarikat tersenarai berikut:
- (a) perbadanan tersenarai yang aktivitiya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perbankan, perbadanan kewangan atau insurans dan tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia;
  - (b) Organisasi Peserta;
  - (c) perbadanan projek infrastruktur yang belum menyiapkan projek infrastruktur mereka; dan
  - (d) kategori perbadanan tersenarai lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa.
- (8) Untuk Syarikat Tunai tidak lagi dianggap sebagai Syarikat Tunai, Syarikat Tunai itu mesti—
- (a) menyelesaikan pelaksanaan cadangannya; dan
  - (b) menyerahkan satu permohonan kepada Bursa untuk menunjukkan bahawa ia tidak lagi sebuah Syarikat Tunai, bersama-sama semua dokumen bukti yang diperlukan.
- Hakikat bahawa Syarikat tunai telah berhenti untuk mencetuskan Kriteria Tunai sebelum ia menyempurnakan pelaksanaan cadangannya, tidak akan memberinya hak untuk tidak lagi dianggap sebagai mesti Syarikat tunai bagi maksud Subkaedah ini.
- (9) Syarikat Tunai mesti memastikan bahawa semua wang telah didepositkan, bersama-sama faedah yang diperolehi dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia dan dikendalikan oleh penjaga di bawah Subkaedah (4) di atas diedarkan kepada pemegang syernya secara pro-rata secepat mungkin sekiranya Syarikat Tunai itu-
- (a) gagal untuk mematuhi mana-mana bahagian kewajipannya dalam Subkaedah (5) (a) di atas; atau
  - (b) tidak berhasrat untuk mengekalkan penyenaian pada bila-bila selepas ia menerima notis yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas.

[Rujukan silang: Nota Panduan 2 dan 20]

### 8.03A Tahap operasi

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengekalkan tahap operasi yang mencukupi untuk mewajarkan penerusan perdagangan atau penyenaian dalam Senarai Rasmi.
- (2) Berikut adalah keadaan yang menunjukkan bahawa perbadanan tersenarai mungkin tidak mempunyai tahap operasi yang mencukupi untuk mewajarkan penerusan perdagangan atau penyenaian dalam Senarai Rasmi:

- (a) perbadanan tersenarai itu telah digantung atau dihentikan -
- (i) semua perniagaannya atau perniagaan utamanya; atau
  - (ii) operasi keseluruhan atau utamanya,
- Untuk atas apa-apa jua sebab termasuk, antara lain, disebabkan oleh atau akibat dari -
- (aa) pembatalan, kehilangan atau tidak membaharui lesen, konsesi atau apa-apa hak lain yang perlu untuk menjalankan aktiviti perniagaan;
  - (bb) pelupusan perniagaan perbadanan tersenarai itu atau perniagaan utama; atau
  - (cc) perintah mahkamah atau penghakiman didapati terhadap perbadanan tersenarai melarang perbadanan tersenarai itu daripada menjalankan operasi utamanya atas alasan pelanggaran hak cipta produk dan lain-lain; atau
- (b) perbadanan tersenarai itu mempunyai perniagaan atau operasi tidak signifikan. Ini tidak terpakai bagi sebuah Perbadanan Tajaan semasa Tempoh Penajaan.
- (3) Tertakluk kepada Subkaedah (5) dan (6) di bawah, perbadanan tersenarai yang mencetuskan Subkaedah (2)(a) atau (2)(b) di atas ("**perbadanan tersenarai terjejas**") mesti mematuhi yang berikut, sekiranya gagal Bursa boleh menggantung perdagangan sekuriti tersenarai dari perbadanan tersenarai atau membatalkan penyenaian perbadanan tersenarai, atau kedua-duanya:
- (a) mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa keadaannya dan memberikan maklumat tersebut dari semasa ke semasa untuk siaran awam mengikut kewajipan penzahiran yang dinyatakan dalam perenggan 4.0 Nota Panduan 3, dengan pengubahsuaian yang diperlukan;
  - (b) menyelaraskan keadaannya dengan mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah 8.04 (3) dan perenggan 5.0 Nota Panduan 3, dengan pengubahsuaian yang diperlukan; dan
  - (c) mematuhi apa-apa kehendak lain atau melakukan apa-apa tindakan atau perkara lain sebagaimana yang boleh ditetapkan atau dikehendaki oleh Bursa.
- (4) Jika Bursa meluluskan pelan penyelarasan perbadanan tersenarai terjejas menurut Subkaedah (3)(b) di atas, kelulusan itu boleh menjadi tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat, sebagaimana yang difikirkannya sesuai. Jika pelan penyelarasan tersebut ditolak oleh Bursa, perbadanan tersenarai terjejas boleh merayu terhadap keputusan Bursa dalam tempoh 30 hari dari tarikh penolakan.
- (5) Perbadanan tersenarai terjejas tidak perlu mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Subkaedah (3) di atas dengan syarat bahawa -
- (a) perbadanan tersenarai terjejas boleh menunjukkan Bursa dengan memuaskan bahawa perniagaannya mapan dan mempunyai prospek, disokong dengan justifikasi yang sewajarnya; dan
  - (b) dalam pandangan Bursa, tahap operasinya mewajarkan penerusan perdagangan dalam Daftar Rasmi.
- (6) perbadanan tersenarai terjejas dan ingin bergantung pada Subkaedah (5) di atas mesti mengumumkan kepada Bursa yang berikut:

- (a) dengan serta merta setelah perbadanan tersenarai terjejas mencetuskan Subkaedah (2) (a) atau (2) (b) di atas, pernyataan untuk hal itu dan bahawa ia telah membuat permohonan kepada Bursa menurut Subkaedah (5) di atas; dan
- (b) dengan serta merta setelah menerima keputusan Bursa mengenai permohonannya, keputusan Bursa dan syarat-syarat yang dikenakan (jika ada).
- (7) Bagi maksud Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain -
- (a) berhubung Subkaedah (2) (a) di atas, "**utama**" ertinya apa-apa perkadaran yang menyumbang atau menjana 70% atau lebih daripada pendapatan perbadanan tersenarai itu secara disatukan berdasarkan pada penyata kewangan tahunan teraudit yang terkini atau belum diaudit;
- (b) "**Perniagaan atau operasi tidak signifikan**" ertinya perniagaan atau operasi yang menjana pendapatan secara disatukan yang mewakili 5% atau kurang daripada modal syer (tidak termasuk syer keutamaan boleh tebus dan syer perbendaharaan) dari ("**Modal**") perbadanan tersenarai berdasarkan penyata kewangan tahunan teraudit yang terkini atau tidak diaudit.

Untuk tujuan pengiraan, perkara berikut terpakai:

- (i) "**Pendapatan atas asas penyatuan**" terdiri daripada pendapatan perbadanan tersenarai, subsidiarinya, dan begitu juga pendapatan dari syarikat bersekutu perbadanan tersenarai, dikira secara berkadar, berdasarkan pada pemegangan ekuiti perbadanan tersenarai dalam syarikat bersekutu; dan
- (ii) Jika terdapat perubahan kepada Modal dalam tahun kewangan itu, Modal purata berwajaran bagi tahun kewangan itu mesti digunakan. Modal purata berwajaran ertinya jumlah Modal pada awal tahun kewangan, disesuaikan oleh jumlah kenaikan atau pengurangan dalam Modal semasa tahun kewangan itu didarab dengan faktor pemberat-masa. Faktor pemberat-masa adalah bilangan hari di mana Modal tertentu itu belum jelas sebagai satu perkadaran daripada jumlah hari dalam tahun kewangan tersebut.

Contoh – Purata Berwajaran Modal bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2xx1

		Modal syer (tidak termasuk syer keutamaan boleh tebus dan syer perbendaharaan) (RM)
1 Januari 2xx1	Baki	10,000,000
1 Jun 2xx1	Terbitan 5,000,000 syer baharu dengan harga RM1 setiap satu secara tunai	15,000,000
1 Dis 2xx1	Terbitan 3,000,000 syer baharu dengan harga RM1 setiap satu secara tunai	18,000,000

Pengiraan purata wajaran:

$$(RM10,000,000 \times 151/365) + (RM15,000,000 \times 183/365) + (RM18,000,000 \times 31/365) \\ = RM13,186,301$$

[Rujukan silang: Nota Panduan 3 dan 20]

#### 8.04 Keadaan kewangan

- (1) Keadaan kewangan syarikat tersenarai secara disatukan mesti, menurut pendapat Bursa, mewajarkan penerusan perdagangan atau penyenaian dalam Senarai Rasmi.
- (2) Bursa boleh menentukan kriteria tertentu berhubung keadaan kewangan perbadanan tersenarai ("**Kriteria Ditetapkan**"). Apabila perbadanan tersenarai mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan ("**Syarikat GN3**") ia mesti mematuhi kehendak tersebut sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa, sekiranya gagal Bursa boleh menggantung dagangan sekuriti tersenarai dari perbadanan tersenarai itu atau membatalkan penyenaian atau kedua-duanya.
- (3) Syarikat GN3 mesti mematuhi kehendak tambahan berikut:
  - (a) menyelaraskan keadaannya dengan cara yang berikut:
    - (i) menyerahkan kepada Bursa satu pelan penyelarasan dan mendapatkan kelulusan Bursa untuk melaksanakan pelan itu dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perbadanan tersenarai itu mengumumkan bahawa ia adalah syarikat GN3;
    - (ii) melantik Penaja dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perbadanan tersenarai itu mengumumkan bahawa ia adalah Syarikat GN3 dan mengekalkan Penaja tersebut sehingga ia tidak lagi dianggap Syarikat GN3 oleh Bursa di bawah Subkaedah (8) di bawah; dan
    - (iii) melaksanakan pelan penyelarasan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pelan penyelarasan itu diluluskan oleh Bursa. Walaubagaimana pun, bagi kes-kes yang melibatkan prosiding mahkamah, Syarikat GN3 mempunyai tempoh sehingga 12 bulan dari tarikh pelan penyelarasan itu diluluskan oleh Bursa, untuk menyempurnakan pelaksanaan pelan penyelarasan;
  - (b) memberikan maklumat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam;
  - (c) mengekalkan perkhidmatan Penaja untuk sekurang-kurangnya 3 tahun kewangan penuh selepas ia tidak lagi dianggap Syarikat GN3 oleh Bursa di bawah Subkaedah (8) di bawah. Berkenaan dengan ini, Penaja yang disebut dalam Subkaedah (a) (ii) di atas mesti bertindak sebagai Penaja Syarikat GN3 untuk sekurang-kurangnya tahun kewangan penuh yang pertama; dan
  - (d) melakukan tindakan atau perkara lain sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bursa.
- (4) Jika Bursa meluluskan pelan penyelarasan Syarikat GN3, kelulusan itu boleh tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat, yang difikirkannya perlu. Jika pelan penyelarasan ditolak oleh Bursa, Syarikat GN3 boleh merayu terhadap keputusan Bursa dalam tempoh 30 hari dari tarikh penolakan.
- (5) Sekiranya Syarikat GN3 gagal mematuhi mana-mana bahagian dari kewajipannya di bawah Subkaedah (3) (a) di atas dalam rangka masa yang dibenarkan oleh Bursa, Bursa hendaklah -

- (a) menggantung perdagangan sekuriti tersenarai Syarikat GN3 pada hari pasaran ke-6 selepas tarikh pemberitahuan penggantungan oleh Bursa; dan
  - (b) membatalkan penyenaian Syarikat GN3 tersebut tertakluk kepada haknya untuk merayu terhadap pembatalan penyenaian di bawah Subkaedah (6) di bawah.
- (6) Melainkan ditentukan secara lain, Syarikat GN3 yang berhasrat untuk merayu terhadap pembatalan penyenaian di bawah kaedah ini 8.04 mesti menyerahkan rayuannya kepada Bursa dalam tempoh 5 hari pasaran dari tarikh pemberitahuan mengenai pembatalan penyenaian oleh Bursa.
- (7) Jika rayuan terhadap pembatalan penyenaian telah diserahkan kepada Bursa, Bursa akan kekalkan pembatalan penyenaian Syarikat GN3 berkenaan sementara menunggu pertimbangan rayuan itu. Walau bagaimanapun, Bursa akan menggantung perdagangan sekuriti tersenarai Syarikat GN3 pada hari ke-6 selepas tarikh pemberitahuan penggantungan oleh Bursa walau pun keputusan rayuan masih belum selesai.
- (8) Untuk Syarikat GN3 tidak lagi dianggap Syarikat GN3, Syarikat GN3 mesti -
- (a) menyempurnakan pelaksanaan pelan penyelarassannya; dan
  - (b) menyerahkan satu permohonan kepada Bursa untuk menunjukkan bahawa ia bukan lagi Syarikat GN3, bersama-sama semua dokumen bukti yang diperlukan.

Hakikat bahawa Syarikat GN3 telah berhenti mencetuskan Kriteria Ditetapkan sebelum ia menyempurnakan pelaksanaan pelan penyelarassannya, tidak akan memberinya hak untuk tidak lagi dianggap sebagai Syarikat GN3 bagi maksud Subkaedah ini.

[Rujukan silang: Nota Panduan 3 dan 20]

#### **8.05 Penaja semasa Tempoh Penajaan**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mematuhi Kaedah 3.21 dalam mendapatkan dan mengekalkan perkhidmatan penaja.
- (2) Bursa boleh pada bila-bila masa menggantung perdagangan dalam sekuriti perbadanan tersenarai yang gagal mematuhi Subkaedah (1) di atas. Jika penggantungan itu berterusan untuk lebih dari 2 bulan, Bursa boleh membatalkan penyenaian perbadanan tersenarai daripada Senarai Rasmi itu.

#### **8.06 Pelantikan Penasihat untuk cadangan**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menggunakan perkhidmatan Penasihat jika ia melaksanakan cadangan atau aktiviti korporat yang ditetapkan oleh Bursa untuk menghendaki perkhidmatan seorang Penasihat.

[Rujukan silang: Nota Panduan 19]

- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pekeliling atau dokumen berkenaan dengan cadangan korporat itu disediakan dan disemak oleh Penasihat sebelum ia diserahkan kepada Bursa untuk penelitian.

---

**BAHAGIAN C – PERKARA-PERKARA OPERASI****8.07 Borang proksi**

Perbadanan tersenarai mesti mereka borang proksinya dengan cara yang akan membolehkan pemegang sekuriti perbadanan tersenarai yang melantik proksi untuk menunjukkan bagaimana dia ingin proksinya mengundi berhubung setiap ketetapan.

**8.08 Audit untuk pindahan dan terbitan sekuriti**

Perbadanan tersenarai mesti memberikan Bursa, atas permintaan, dengan pengesahan juruaudit luar untuk itu bahawa pindahan dan terbitan sekuriti adalah selaras dengan kehendak yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah 6.10, 6.29, 6.46, 6.59 dan 8.17, jika berkenaan.

**8.09 Bilangan sekuriti**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa bilangan sekuriti diwakili satu perakuan adalah dengan jelas ditunjukkan dalam perkataan dan angka-angka di atas muka perakuan atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Bursa.

**8.10 Kualiti kertas dan tera air**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa perakuan direka bentuk agar pemalsuan dan/atau pengubahan boleh dikesan dengan mudah. Perbadanan tersenarai mesti mengamanahkan pencetakan perakuan sekuriti kepada pencetak keselamatan diiktiraf dan memastikan bahawa kertas untuk sekuriti adalah kertas bon kelas pertama atau kertas wang yang mengandungi tera air dari pencetak atau perbadanan tersenarai itu, dan ciri-ciri keselamatan tambahan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

**8.11 Saiz perakuan**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa perakuan berukuran 8 "X10" (termasuk tebukan) atau saiz lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

**8.12 Penyerahan pulangan tahunan**

Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan kepada Bursa pulangan pada 31 Disember setiap tahun kalendar dalam tempoh 2 bulan dari tarikh tersebut, yang merangkumi maklumat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa melalui templat elektronik yang disediakan oleh Bursa

**8.13 Perubahan dalam pengelasan**

- (1) Jika terdapat keadaan menunjukkan bahawa perubahan dalam klasifikasi perbadanan tersenarai dalam sektor tertentu telah berlaku, perbadanan tersenarai mesti mencadangkan kepada Bursa mengenai perubahan dalam klasifikasi secara yang boleh ditetapkan oleh Bursa. Perubahan yang dicadangkan dalam klasifikasi adalah tertakluk kepada kelulusan Bursa. Bursa boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya sama ada mengekalkan klasifikasi atau mengklasifikasikan perbadanan tersenarai ke dalam sektor lain yang difikirkannya sesuai.
- (2) Walau apa pun ketiadaan apa-apa pemberitahuan daripada perbadanan tersenarai, Bursa boleh, jika keadaan mewajarkan demikian, mengubah klasifikasi perbadanan tersenarai kepada sektor yang, pada pendapat Bursa, adalah lebih sesuai untuk perbadanan tersenarai.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 1]*



---

**BAHAGIAN D – PENAJAAN RESIT DEPOSITORI****8.14 Penajaan resit depositori**

Perbadanan tersenarai mesti tidak boleh membuat perjanjian dengan bank depositori untuk menaja program resit depositori melainkan terma berikut dimasukkan dalam perjanjian tersebut:

- (a) jumlah bilangan penjaga yang memegang sekuriti perbadanan tersenarai yang resitnya diterbitkan ("**sekuriti sandaran**") mesti tidak melebihi 5;
- (b) jumlah bilangan sekuriti sandaran pada bila-bila masa mesti tidak melebihi 5% daripada jumlah syer yang diterbitkan perbadanan tersenarai;
- (c) bank depositori mesti menyediakan kepada perbadanan tersenarai, maklumat berkenaan dengan resit depositori yang akan membolehkan perbadanan tersenarai mematuhi Kehendak-kehendak ini; dan
- (d) jika terdapat lebih daripada satu bank penjaga dilantik, bank depositori mesti menetapkan had untuk bilangan sekuriti yang akan pegang oleh setiap penjaga supaya jumlah bilangan sekuriti yang dipegang oleh semua penjaga tidak melebihi had yang disebut dalam Subkaedah (b) di atas.

**8.15 Laporan status resit depositori**

- (1) Perbadanan tersenarai yang telah memeterai perjanjian untuk menaja program resit depositori mesti memberikan kepada Bursa, untuk maklumannya, setiap suku tahun kalendar, perkara berikut ("**laporan status**"):
  - (a) bilangan dan nama-nama penjaga yang memegang sekuriti yang mana resit depositori diterbitkan; dan
  - (b) jumlah bilangan dan peratusan sekuriti yang mana resit depositori diterbitkan berbanding jumlah bilangan syer yang diterbitkan dan pecahan dari yang sama berkenaan dengan sekuriti yang dipegang oleh setiap penjaga.
- (2) Jika laporan status menunjukkan bahawa had yang disebut dalam Kaedah 8.14 (b) di atas adalah dilangkai, Bursa akan mengajukan laporan tersebut kepada Depositori, untuk tindakan selanjutnya.

**BAHAGIAN E – TAWARAN UNTUK JUALAN****8.16 Tawaran untuk jualan boleh tarik balik**

Perbadanan tersenarai atau penawar atau kedua-duanya, dalam tawaran untuk jualan boleh tarik balik sekuriti tersenarai atau dicadangkan untuk disenaraikan dalam Senarai Rasmi, mesti mematuhi kehendak Kaedah 6.23, 6.24, 6.25, 6.27, 6.28 dan 6.29 seolah-olah tawaran untuk jualannya adalah terbitan hak yang disebut di bawah Kaedah itu.

**8.17 Pengumpulan sekuriti dan penghantaran notis pengumpulan berkenaan dengan tawaran untuk jualan**

Berkenaan dengan tawaran untuk jualan kepada pemegang sekuriti yang sedia ada atau awam, dari sekuriti tersenarai atau yang dicadangkan untuk disenaraikan dalam Senarai Rasmi dalam kes yang berkenaan, dalam tempoh 15 hari pasaran dari tarikh permohonan akhir atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa, perbadanan tersenarai atau penawar atau kedua-duanya mesti -

- (a) menyebabkan sekuriti dikreditkan ke dalam akaun sekuriti pemohon yang berjaya atau menerbitkan dan/atau menumpukkan sekuriti, dalam kes yang berkenaan;
- (b) menghantar notis pengumpulan kepada pemohon yang berjaya; dan
- (c) memohon untuk sebutan harga sekuriti tersebut (jika berkenaan).

## BAHAGIAN F – PARA PENGARAH

### 8.18 Aku janji pengarah

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa setiap pengarah perbadanan tersenarai memberikan Bursa selewat-lewatnya 14 hari selepas pelantikannya, suatu aku janji dalam bentuk sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa.

*[Rujukan silang: Lampiran GN15-C and GN15-D Nota Panduan 15]*

## BAHAGIAN G – SKIM PENERBITAN SYER

### 8.19 Peruntukan di bawah Skim Penerbitan Syer

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menzahirkan kepada para pekerja kriteria untuk peruntukan opsyen menurut Skim Penerbitan Syer.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa peruntukan opsyen menurut sesuatu skim ditentukan oleh jawatankuasa audit, sebagai mematuhi kriteria yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas, pada akhir setiap tahun kewangan.
- (3) [Dipotong]

### 8.20 Penamatan Skim Penerbitan Syer

- (1) Perbadanan tersenarai tidak boleh menamatkan Skim Penerbitan Syer sebelum tamat tempoh melainkan -
  - (a) undang-undang kecil skim ini mengandungi peruntukan yang memberi kuasa perbadanan tersenarai itu untuk berbuat demikian.
  - (b) [Dipotong]
  - (c) [Dipotong]
- (2) [Dipotong]
- (3) [Dipotong]
- (4) [Dipotong]
- (5) Perbadanan tersenarai yang menamatkan Skim Penerbitan Syer sebelum tamat tempohnya mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa -
  - (a) tarikh kuat kuasa penamatan;
  - (b) bilangan opsyen dilaksanakan atau syer diletak hak; dan

- (c) sebab-sebab penamatan.

### 8.21 Pelaksanaan Skim Penerbitan Syer baharu

Perbadanan tersenarai boleh melaksanakan lebih dari 1 Skim Penerbitan Syer dengan syarat bahawa jumlah agregat syer yang tersedia di bawah semua Skim Penerbitan Syer tidak melanggar had yang ditetapkan dalam Kaedah 6.39.

### 8.22 Sekatan urus niaga

Pengarah bukan eksekutif tidak boleh menjual, memindah atau menyerahkan hak syer yang diperoleh melalui pelaksanaan opsyen yang ditawarkan kepadanya menurut Skim Penerbitan Syer dalam tempoh 1 tahun dari tarikh tawaran opsyen tersebut.

## BAHAGIAN H – LAIN-LAIN

### 8.23 Pencairan material

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mendapatkan kelulusan pemegang syer dalam mesyuarat agung untuk terbitan oleh subsidiari prinsipalnya, dari syer atau sekuriti boleh ditukar atau opsyen yang mengakibatkan atau berpotensi mengakibatkan pencairan material kepentingan ekuiti perbadanan tersenarai dalam subsidiari prinsipal tersebut.
- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, "pencairan material" ertinya pengurangan peratusan berjumlah 25% atau lebih.

### 8.24 Variasi material

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengeluarkan pekeliling kepada pemegang syer dan mendapatkan kelulusan pemegang syer jika ia bercadang untuk membuat:
  - (a) perubahan material kepada penggunaan perolehan yang dihasilkan oleh perbadanan tersenarai daripada tawaran awam permulaan atau terbitan baharu sekuriti yang telah diluluskan melalui kelulusan pemegang syer tertentu; atau
  - (b) pindaan material, pengubahsuaian atau variasi kepada cadangan yang telah diluluskan oleh pemegang syer dalam mesyuarat agung.
- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas -
  - (a) perubahan kepada penggunaan perolehan dianggap material jika perubahan tersebut adalah 25% atau lebih daripada jumlah perolehan yang dihasilkan; atau
  - (b) pindaan, pengubahsuaian atau variasi dianggap material sekiranya ia boleh dijangka secara munasabah mempunyai kesan material pada keputusan pemegang sekuriti perbadanan tersenarai berhubung cadangan tersebut.
- (3) Subkaedah (1) (b) di atas tidak terpakai kepada mana-mana pindaan, pengubahsuaian atau variasi akibat dari arahan atau syarat yang boleh dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

**8.25 Pemberian bantuan kewangan**

(1) Kecuali dilarang secara lain di bawah undang-undang atau berhubung sebuah perbadanan asing, undang-undang yang berkaitan dari tempat ia diperbadankan dan tertakluk kepada Subkaedah (2) di bawah, perbadanan tersenarai atau subsidiarinya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham hanya boleh -

- (a) meminjamkan atau mendahulukan apa-apa wang; atau
- (b) menjamin, menanggung rugi atau menyediakan kolateral untuk hutang,

("Pemberian bantuan kewangan") kepada atau memihak kepada yang berikut:

- (i) pengarah atau pekerja perbadanan tersenarai atau subsidiarinya;
- (ii) orang yang disediakan bantuan kewangan -
  - (aa) adalah perlu untuk memudahkan perjalanan biasa perniagaan perbadanan tersenarai atau subsidiarinya; atau
  - (bb) menurut urusan biasa perniagaan perbadanan tersenarai atau subsidiarinya, seperti peruntukan pendahuluan kepada sub-kontraktor atau pendahuluan yang dibuat kepada klien dalam urusan biasa perniagaan pinjaman wangnya; atau
- (iii) subsidiari, syarikat bersekutu atau pengaturan bersama perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai (dalam kes subsidiari memberikan bantuan kewangan) atau syarikat pemegangannya yang terdekat yang tersenarai.

Bagi maksud ini Subkaedah (iii), "**perjanjian bersama**" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan.

(2) Jika perbadanan tersenarai atau subsidiarinya memberikan bantuan kewangan-

- (a) lembaga pengarah perbadanan tersenarai tersebut mesti memastikan -
  - (i) bahawa peruntukan bantuan kewangan yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas adalah adil dan munasabah kepada perbadanan tersenarai dan tidak menjejaskan perbadanan tersenarai dan pemegang syernya; dan
  - (ii) jika perbadanan tersenarai atau subsidiarinya meminjamkan atau mendahulukan wang dalam urusan biasa perniagaan sebagai pemberi pinjaman wang ("**syarikat pinjaman wang**" dan "**operasi pinjaman wang**"), bahawa lembaga pengarah perbadanan tersenarai menyelia operasi pinjaman wang dan pengurusan risiko kredit syarikat pinjaman wang itu termasuk memastikan bahawa dasar dan prosedur yang diterapkan mencukupi yang mesti disemak secara berkala untuk membolehkan -
    - (aa) penyelenggaraan piawaian pemberian kredit yang baik;
    - (bb) penyelenggaraan proses kelulusan kredit yang jelas dan ditentukan termasuk senarai pihak yang meluluskan, yang mesti termasuk lembaga pengarah perbadanan tersenarai itu, bagi kuantum bantuan kewangan berbeza yang diberikan oleh syarikat pinjaman wang itu;
    - (cc) pemantauan dan kawalan risiko kredit; dan

- 
- (dd) pengenalpastian dan pentadbiran kredit yang bermasalah yang menepati masa;
- (b) Jika ia transaksi pihak yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah 10.02, perbadanan tersenarai mematuhi kehendak Kaedah 10.08 sebagai tambahan kepada peruntukan ini;
- (c) Jika peruntukan bantuan kewangan adalah untuk syarikat bersekutu atau pengaturan bersama perbadanan tersenarai itu, dan jumlah agregat yang disediakan atau yang akan disediakan pada bila-bila masa untuk setiap syarikat bersekutu atau pengaturan bersama berbanding aset ketara bersih kumpulan adalah 5 % atau lebih, perbadanan tersenarai mesti mengeluarkan pekeliling kepada pemegang syer dan mendapatkan kelulusan pemegang syer dalam mesyuarat agung, peruntukan bantuan kewangan tersebut, melainkan perbadanan tersenarai mematuhi kehendak dalam Subkaedah (1) (ii) di atas, dalam kes ini, kehendak untuk mengeluarkan pekeliling dan mendapatkan kelulusan pemegang syer diketepikan;
- (d) Jika kelulusan pemegang syer dikehendaki menurut Subkaedah (b) atau (c) di atas, perbadanan tersenarai mesti menyatakan dalam pekelilingnya, cadangan penggunaan jumlah bantuan kewangan; dan
- (e) sebagai tambahan kepada pengumuman sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bursa, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 8D berhubung setiap syarikat pinjaman wang untuk setiap suku tahun kewangannya, jika ada, selewat-lewatnya 7 hari pasaran selepas berakhir setiap suku tahun kewangan.
- (3) Kecuali sebagaimana yang dilarang secara lain di bawah undang-undang atau berhubung perbadanan asing, undang-undang yang berkaitan dengan tempat ia diperbadankan dan tanpa mengehadkan keluasan makna Bahagian D Bab 2 -
- (a) perbadanan tersenarai atau para pengarahnya mesti memberikan Bursa maklumat, dokumen atau penjelasan yang diminta oleh Bursa berhubung operasi pinjaman wang selaras dengan petunjuk atau permintaan Bursa, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut berhubung 20 penghutang dari setiap syarikat pinjaman wang yang mempunyai jumlah tertinggi pinjaman belum jelas dan/atau pendahuluan ("**pinjaman**") (dengan pengagregatan pinjaman yang diberikan kepada orang yang berhubung):
- (i) nama-nama penghutang dan, berhubung setiap penghutang, pernyataan sama ada penghutang adalah pihak yang berkaitan;
- (ii) jumlah pinjaman belum jelas dengan pengagregatan pinjaman yang diberikan kepada orang yang berhubung, dan pecahan dalam pokok dan faedah;
- (iii) terma penting pinjaman belum jelas termasuk kadar faedah, terma pembayaran balik faedah dan pokok dan cagaran yang disediakan; dan
- (iv) tempoh kemungkiran keatas faedah dan/atau pokok, jika berkenaan; dan
- (b) Bursa boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, mengajukan maklumat, dokumen atau penjelasan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan termasuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- (4) Subkaedah (1), (2) dan (3) di atas tidak terpakai kepada -
- (a) mana-mana peruntukan bantuan kewangan disediakan kepada atau memihak kepada perbadanan tersenarai atau subsidiari milik penuh perbadanan tersenarai itu;

- (b) perbadanan yang menjalankan aktiviti yang dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perbankan, perbadanan kewangan atau insurans dan tertakluk kepada penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia asing yang setara yang difikirkan wajar oleh Bursa; atau
- (c) [Dipotong]
- (d) pembiayaan syer atau pembiayaan margin syer yang dijalankan oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya yang tidak tersenarai di mana-mana bursa saham yang merupakan Organisasi Peserta.

[Rujukan silang: Nota Panduan 4]

#### 8.26 Penyenaian subsidiari

Perbadanan tersenarai mesti mendapatkan kelulusan pemegang syer sekiranya ingin menyenaraikan sekuriti mana-mana subsidiarinya di mana-mana bursa saham.

#### 8.27 Tiada pengubahan atau pembatalan hak atau tarikh tutup buku selepas pengumuman tarikh tutup buku

- (1) Sekiranya suatu hak tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan, perbadanan tersenarai mesti mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tersebut terlebih dahulu sebelum menetapkan tarikh tutup buku.
- (2) Apabila asas suatu hak dan tarikh tutup buku diisytiharkan, perbadanan tersenarai tidak boleh sesudah itu membuat apa-apa pengubahan atau pembatalan hak atau tarikh tutup buku.

#### 8.28 Pengisytiharan dividen

- (1) Sebaik sahaja dividen diisytiharkan atau dicadangkan kepada pemegang syer, perbadanan tersenarai tidak boleh sesudah itu membuat perubahan terhadap hak dividen.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua dividen dibayar selewat-lewatnya 3 bulan dari tarikh pengisytiharan atau tarikh di mana kelulusan diperoleh dalam mesyuarat agung, yang mana berkenaan.

#### 8.28A Pembayaran pengagihan tunai secara elektronik

- (1) Perbadanan tersenarai mesti membayar semua pengagihan tunai kepada pemegang sekuriti dengan terus mengkreditkan bayaran ke dalam akaun bank pemegang sekuriti sebagaimana yang diberikan kepada Depositori dari semasa ke semasa.
- (2) Jika pemegang sekuriti perbadanan tersenarai itu telah memberikan butiran hubungan yang berkaitan kepada Depositori bagi tujuan pemberitahuan elektronik, perbadanan tersenarai mesti memaklumkan mereka secara elektronik sebaik sahaja perbadanan tersenarai telah membayar pengagihan tunai daripada akaunnya.
- (3) Bagi maksud Kaedah ini, "**pengagihan tunai**" ertinya pembayaran tunai yang dibuat oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan sekuriti yang disenaraikan dan disebut harga untuk perdagangan di Bursa, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa yang merangkumi -
  - (a) dividen tunai;

- (b) pembayaran faedah atau kadar keuntungan pada sekuriti hutang atau suluk masing-masing;
- (c) pembayaran balik modal; dan
- (d) bayaran tunai sebagai ganti lot ganjil yang timbul daripada agihan dalam specie.

### 8.29 Notis mesyuarat agung

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua notis untuk mengadakan mesyuarat agung mengandungi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan anggota membuat keputusan sama ada akan menghadiri mesyuarat tersebut.
- (2) Tanpa mengehendkan keluasan makna Subkaedah (1) di atas, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa notis untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan, jika berkenaan, disertakan dengan pernyataan yang merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 8A.
- (3) Sebarang notis mesyuarat agung yang dipanggil untuk mempertimbangkan perniagaan khas mesti disertakan dengan nota penjelasan yang mengandungi maklumat yang diperlukan untuk membolehkan anggota membuat keputusan yang berpengetahuan. Nota penjelasan tersebut mesti merangkumi kesan dari setiap ketetapan yang dicadangkan berkenaan dengan perniagaan khas tersebut.

### 8.30 Notis kematangan

Perbadanan tersenarai mesti mengeluarkan notis kematangan atau peluputan mana-mana sekuriti boleh tukar tersenarai kepada pemegangnya dan mengiklankan ringkasan yang sama dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian Bahasa Malaysia atau Inggeris diedarkan secara nasional tidak kurang dari 1 bulan sebelum tarikh pertukaran/pelaksanaan terakhir atau tarikh kematangan, yang mana lebih awal.

### 8.31 Kelulusan pemegang sekuriti

- (1) Sekiranya transaksi atau cadangan korporat memerlukan kelulusan pemegang sekuriti menurut Kehendak-kehendak ini, perbadanan tersenarai tidak boleh memeterai atau melaksanakan transaksi atau cadangan korporat tersebut melainkan -
  - (a) pemeteraian transaksi atau cadangan korporat dibuat tertakluk kepada kelulusan pemegang sekuriti; atau
  - (b) pelaksanaan transaksi atau cadangan korporat telah diluluskan oleh pemegang sekuriti.
- (2) Jika transaksi atau cadangan korporat adalah suatu pemberian untuk melaksanakan opsyen dan persetujuan pemegang syer dikehendaki menurut Kehendak-kehendak ini, maka -
  - (a) dalam kes suatu terbitan oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya, kelulusan pemegang syer mesti diperolehi sebelum opsyen itu diterbitkan atau terbitan itu mesti tertakluk kepada kelulusan itu; dan
  - (b) dalam kes suatu pelaksanaan oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya, kelulusan pemegang syer mesti diperolehi sebelum suatu opsyen dilaksanakan.

**8.31A Mengundi melalui pungutan suara**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa apa-apa ketetapan yang dinyatakan dalam notis mesyuarat agung, atau dalam mana-mana notis ketetapan yang dapat dijalankan dengan betul dan bertujuan untuk dijalankan di mana-mana mesyuarat agung, akan diundi melalui pungutan suara.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti melantik sekurang-kurangnya 1 pengawas pengundian untuk mengesahkan undian di mesyuarat agung. Pengawas pengundian tersebut mesti bukan pegawai perbadanan tersenarai atau perbadanan yang berkaitan, dan mesti bebas dari orang yang melaksanakan proses pengundian. Sekiranya pengawas pengundian tersebut berkepentingan dengan ketetapan yang akan diluluskan dalam mesyuarat agung, pengawas pengundian tersebut mesti menahan diri dari bertindak sebagai pengawas pengundian untuk ketetapan itu. Bagi maksud ini, "pegawai" mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 Akta Syarikat.

**8.32 Perakaunan dan rekod lain**

Perbadanan tersenarai mesti menyebabkan rekod perakaunan dan rekod lain disimpan yang akan menjelaskan dengan secukupnya kedudukan atau operasi kewangan perbadanan tersenarai, termasuk subsidiarinya.

**8.33 Serahan simpan perjanjian**

Jika apa-apa perjanjian telah dimeterai oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya berkaitan dengan sebarang perolehan atau pelupusan aset atau transaksi di luar perniagaan biasa perbadanan tersenarai atau subsidiarinya, perbadanan tersenarai mesti menyediakan salinan setiap perjanjian yang berkaitan untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar perbadanan tersenarai di Malaysia untuk tempoh 3 bulan dari tarikh pengumuman.

**BAHAGIAN I - KEWAJIPAN BERTERUSAN KHUSUS BERKAITAN DENGAN MEKANISME PENSTABILAN HARGA****8.34 Tanggungjawab perbadanan tersenarai untuk tujuan tindakan penstabilan**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pengurus penstabilan yang melaksanakan tindakan penstabilan bagi pihaknya, menyelenggara satu daftar selaras dengan subperenggan 10(a) Peraturan Pasaran dan Perkhidmatan Modal (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008, yang mengandungi maklumat yang dinyatakan di bawah Lampiran 8C dan sebarang perubahan kepada maklumat dalam daftar itu dikemas kini setiap hari.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti menyediakan daftar dan semua perjanjian yang berkaitan dengan penstabilan pasaran yang dibuat perbadanan tersenarai dan pengurus penstabilan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa atau orang yang diberi kuasa bertulis oleh Bursa untuk pemeriksaan dan mesti membenarkan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa atau orang yang diberi kuasa bertulis oleh Bursa untuk membuat salinan atau mengambil petikan dari daftar atau perjanjian itu.
- (3) Sebagai tambahan kepada Subkaedah (1) di atas, perbadanan tersenarai juga mesti memastikan bahawa daftar tersebut dapat dibawa ke Malaysia dan disediakan untuk pemeriksaan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa atau orang yang diberi kuasa bertulis oleh Bursa atau jika daftar tersebut tidak dapat dibawa ke Malaysia, salinan daftar yang diperakui benar disediakan untuk pemeriksaan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa atau orang yang diberi kuasa bertulis oleh Bursa jika -



- (a) perbadanan tersenarai itu disenaraikan di kedua-dua Bursa dan sebuah bursa di luar Malaysia; dan
  - (b) ia telah melantik pengurus penstabilan untuk menjalankan tindakan penstabilan di pasaran saham di luar Malaysia.
- (4) Bagi maksud Kaedah ini, pemeriksaan termasuk membuat salinan dan mengambil petikan dari daftar.

[Bab tamat]

**Lampiran 8A**  
**Kandungan pernyataan yang mengiringi notis AGM**

---

**LAMPIRAN 8A****Kandungan pernyataan yang mengiringi notis mesyuarat agung tahunan**  
(Kaedah 8.29)

1. Perincian lanjut mengenai individu yang menjadi calon pemilihan sebagai pengarah (tidak termasuk pengarah yang menjadi calon pemilihan semula), seperti berikut:
  - (a) nama, umur, jantina, kewarganegaraan, kelayakan, dan sama ada jawatan itu adalah eksekutif atau bukan eksekutif dan sama ada pengarah itu adalah pengarah bebas;
  - (b) pengalaman kerja dan pekerjaan;
  - (c) mana-mana jawatan pengarah lain di syarikat awam dan perbadanan tersenarai;
  - (d) perincian apa-apa kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai dan subsidiarinya;
  - (e) hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai;
  - (f) apa-apa percanggahan kepentingan yang mereka ada dengan syarikat tersenarai; dan
  - (g) selain daripada kesalahan lalu lintas, senarai sabitan untuk kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas dan butir-butir mengenai apa-apa sekatan awam atau hukuman yang dijatuhkan oleh badan pengawal kawal selia yang berkaitan dalam tahun kewangan, jika ada.
2. Pernyataan berkaitan dengan mandat am untuk terbitan sekuriti menurut Kaedah 6.04 (3) Keperluan ini.

[Lampiran tamat]

Lampiran 8B  
Kandungan pekeling untuk menamatkan skim syer pekerja

---

LAMPIRAN 8B

[Dipotong]

Lampiran 8C  
Maklumat untuk dimasukkan dalam daftar pengurus penstabilan

---

**LAMPIRAN 8C**

**Maklumat untuk dimasukkan di dalam daftar pengurus penstabilan**  
(Kaedah 8.34)

- (1) Nama perbadanan yang sekuritinya tertakluk kepada tindakan penstabilan.
- (2) Perincian bilangan sekuriti terlebih pengumpulan, nama pemberi pinjam, jumlah sekuriti yang dipinjam dan harga sekuriti yang berkaitan dan jumlah opsyen dilaksanakan.
- (3) Nama dan alamat orang yang dilantik sebagai pengurus penstabilan, orang hubungan, nama Organisasi Peserta dan pemegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan melakukan tindakan penstabilan (atau setara, jika ada); dan terma penting dari semua perjanjian berkaitan dengan penstabilan pasaran yang dimeterai oleh perbadanan tersenarai dan pengurus penstabilan.
- (4) Pecahan transaksi harian yang dilaksanakan sepanjang tempoh penstabilan menunjukkan jumlah sekuriti dibeli setiap hari dan harga pembelian per sekuriti atau yang tertinggi, terendah dan purata yang dibayar.

[Lampiran tamat]

---

**LAMPIRAN 8D****Maklumat untuk dimasukkan dalam pengumuman berhubung syarikat pinjaman wang**  
(Kaedah 8.25(2)(e))

- (1) Jumlah agregat pinjaman belum jelas dan/atau pendahuluan ("**Pinjaman**") yang diberikan oleh syarikat pinjaman wang yang menyatakan pecahan berikut untuk pinjaman bercagar dan tidak bercagar:
  - (a) kepada perbadanan;
  - (b) kepada individu;
  - (c) kepada perbadanan dalam kumpulan perbadanan tersenarai itu; dan
  - (d) kepada pihak yang berkaitan.
- (2) Jumlah pinjaman, menyatakan -
  - (a) Pinjaman yang diberikan oleh mana-mana perbadanan dalam kumpulan perbadanan tersenarai itu kepada syarikat pinjaman wang itu;
  - (b) pinjaman bercagar oleh mana-mana perbadanan dalam kumpulan perbadanan tersenarai yang memihak kepada syarikat pinjaman wang itu; dan
  - (c) pinjaman lain.
- (3) Jumlah agregat Pinjaman mungkir yang mesti merangkumi pergerakan dalam Pinjaman mungkir untuk perbadanan tersenarai dan kumpulan seperti berikut:
  - (a) pada awal tahun;
  - (b) diklasifikasikan sebagai Pinjaman yang mungkir dalam tahun kewangan;
  - (c) diklasifikasikan semula sebagai berprestasi pada tahun kewangan;
  - (d) jumlah dipulihkan;
  - (e) jumlah dihapus kira;
  - (f) Pinjaman ditukar kepada sekuriti;
  - (g) jumlah dan Pinjaman bersih yang mungkir pada akhir tahun; dan
  - (h) nisbah Pinjaman bersih yang mungkir dengan Pinjaman atau pendahuluan bersih.

Untuk tujuan ini, Pinjaman yang mungkir akan ditentukan oleh perbadanan tersenarai tetapi mesti, dalam keadaan apa pun, merangkumi keadaan di mana penghutang telah mungkir membayar sama ada jumlah faedah atau jumlah pokok atau kedua-duanya selama 3 bulan atau lebih berkenaan dengan sesuatu Pinjaman. Dalam hal ini, hanya Pinjaman oleh penghutang kepada syarikat pinjaman wang boleh ditolak dalam menentukan Pinjaman belum jelas penghutang untuk syarikat tersebut.

Lampiran 8D  
Pengumuman oleh syarikat pinjaman wang

---

- (4) 5 Pinjaman teratas (dengan pengagregatan Pinjaman yang diberikan kepada orang yang sama atau orang yang berhubungan), menyatakan (jika berkenaan) -
- (a) jenis kemudahan dan had;
  - (b) jumlah belum jelas dan jenis;
  - (c) sama ada cagaran telah disediakan dan jika disediakan, nilai cagaran;
  - (d) sama ada penerima Pinjaman adalah pihak yang berkaitan; dan
  - (e) terma pembayaran balik.

[Lampiran tamat]

**LAMPIRAN 8E**

**Maklumat mengenai struktur ekuiti perbadanan tersenarai untuk diberikan kepada Bursa semasa penyempurnaan tawaran pengambilalihan (Kaedah 8.02(5))**

<i>Butir-butir</i>	<i>Bilangan syer</i>	<i>Bilangan pemegang syer</i>	<i>Peratusan %</i>
<i>Modal syer</i>			
<i>Tolak:</i>			
<i>Syer Perbendaharaan</i>			
<i>Pengarah perbadanan tersenarai dan subsidiarinya</i>			
<i>Pemegang syer substansial perbadanan tersenarai (kecuali pemegang syer dimasukkan sebagai "awam")</i>			
<i>Sekutu pengarah atau pemegang syer substansial perbadanan tersenarai</i>	-----		
<i>Pemegangan syer awam</i>			

[Lampiran tamat]